



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

E-KERATAN AKHBAR HARIAN

5 JANUARI 2023

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

TARIKH:

5 Januari 2023

HALAMAN:

ONLINE

Utusan

BERITA HARIAN

Metro

Kosmo!

Sinar

Star

NEW STRAITS TIMES

南洋商報

東方日報

Utusan Borneo

THE BORNEO POST

SABAH TIMES

Isu banjir Sungai Kupang

'Tiada harapan rumah siap sebelum Aidilfitri'

Hanya empat kediaman sedang dibina, baki dalam proses

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Penduduk pinggir Sungai Kupang di Baling, yang kehilangan rumah akibat banjir pada 4 Julai tahun lalu tidak lagi menaruh harapan untuk mendiami rumah baharu.

Pembinaan rumah di Desa KEDA Kampung Sadek, Baling masih berjalan dengan hanya empat rumah sedang dibina, manakala selebihnya dalam proses menambun tanah.

Penduduk, Abdul Rahman Said, 71, berkata beliau sering pergi melihat tapak projek rumah berkenaan kerana bimbang terpaksa membayar sendiri sewa rumah selepas enam bulan ditanggung kerajaan negeri.

"Apabila tengok keadaan rumah yang sedang dibina, saya tak lagi menaruh harapan tinggi untuk tinggal di sini sebelum Aidilfitri.

"Saya reda dengan banjir yang mengorbankan isteri serta anak dan menantu saya. Namun sebagai insan yang ditimpa musibah, perasaan sedih dan sunyi itu tetap ada, apatah lagi rumah yang disewa agak jauh dari Kampung Iboi.



Rumah baharu untuk mangsa yang kehilangan rumah akibat banjir puing pada 4 Julai tahun lalu di Desa KEDA Kampung Sadek, Baling sedang dibina kontraktor yang dilantik kerajaan negeri. (Foto ihsan pembaca)

"Saya sangat berharap rumah ini dapat siap dengan lebih cepat agar saya dapat hidup dengan selesa pada usia begini. Sekarang saya sudah tidak mampu bekerja, banyak mengharapkan ihsan anak-anak," katanya.

Abdul Rahman berkata, beliau berharap agar kerajaan dapat menyambung bayaran sewa rumah itu kerana tidak mempunyai sumber pendapatan tetap.

Tiada sumber pendapatan

Seorang lagi penduduk, Ahmad Lateh, 73, berkata kerajaan negeri wajar terus menyambung membayar sewa rumah mereka beriku-

tan beliau juga tidak mempunyai sumber pendapatan.

"Sekarang ini saya mengharapkan anak-anak untuk kelangsungan hidup. Jika hendak nyatakan kerugian kami kehilangan rumah dan harta benda, ia tidak boleh dinilai. Kami tinggal sehelai sepinggang.

"Saya sudah adukan perkara ini kepada penghulu mukim. Saya difahamkan mungkin Pejabat Daerah Baling akan bayar sewa rumah kami.

"Cuma rumah saja yang kami tak tahu bila akan siap. Sekiranya dapat duduk rumah sendiri, perasaan pasti berbeza kerana dapat

kembali berjiran dengan rakan-rakan sekampung yang turut kehilangan rumah," katanya yang juga pesara tentera tidak berpenyen.

Pada 4 Ogos tahun lalu, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor merasmikan pecah tanah rumah mangsa banjir bagi menempatkan 12 keluarga mangsa dan dijangka siap pada Disember lalu.

Rumah berkenaan dibina di atas tanah milik kerajaan negeri dan mendapat kerjasama Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dengan dilengkapi tiga bilik tidur, dua bilik air, dapur dan ruang tamu.

TARIKH:

5 Januari 2023

HALAMAN:

ONLINE

Utusan Borneo
Sarawak

Utusan

Berita Harian

Metro

Kosmo!

Sinar

Star

New Straits Times

南洋商報

東方日報

Utusan Borneo

The Borneo Post

Sabah Times

GIATMARA Sri Aman benung ngatur pengawa Ngambi Pelatih Baru diatu

SRI AMAN: GIATMARA Sri Aman diatu benung ngatur pengawa Ngambi Pelatih Baru sechara Walk-In ke GIATMARA Sri Aman untkup sesi Januari 2023.

Sesi ngambil untkup Taun 2023 iya nya untkup Kus

'Terapi Kecantikan' enggau 'Solekan' sereta Kus Teknologi Sistem Komputer.

Dua iti kus nya dibuka ngagai peranak Sri Aman.

Pengelama belajar ba GIATMARA tu semina enam bulan aja untkup te- tiap kus.

Tanya silik, ngambil pom enggau ngerejister diri tau digaga baka untkup ti disediaka ba mua GIATMARA SRI AMAN tauka bejaku terus enggau pengajar Amy nengah lumur 012-8960569 enggau pengajar Meera ba lumur 016-8909946.



DIBUKA DIATU: Peranak Sri Aman ti ngelawa ka untkup GIATMARA ba laman Opis GIATMARA di Sri Aman pagi kemari.